

PAK KE ARAH MS ISO 9001:2008

Perbadanan Aset Keretapi (PAK) kini mengorak satu langkah baharu iaitu untuk mendapatkan sijil pengiktirafan MS ISO 9001:2008 bagi Pengurusan Daftar Aset Tetap. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jawatankuasa Kerja MS ISO 9001:2008 PAK telah mengadakan satu Kursus Pengenalan/Kesedaran MS ISO 9001:2008 kepada semua pegawai dan staf PAK pada 2 September 2010 di Dewan Semasa Simfoni, KL Sentral. Kursus sehari itu yang dikendalikan oleh juru perunding Puan Norhayati binti Omar dari Total Organisation Management Consulting (M) Sdn Bhd bertujuan untuk memahami prinsip dan falsafah yang digariskan dalam usaha PAK mendapatkan pengiktirafan ISO 9001:2008, mengetahui konsep dan keperluan siri piawaian MS ISO 9001:2008; memahami langkah-langkah pelaksanaan MS ISO 9001:2008 dalam sektor awam, mengenalpasti keperluan baru MS ISO 9001:2008 dan memahami pendekatan baru MS ISO 9001:2008.

PAK berharap dengan adanya sijil pengiktirafan MS ISO 9001:2008 ia dapat membantu PAK mencapai kepuasan pelanggan sekaligus membantu PAK mencapai objektif, visi dan misi organisasi yang telah ditetapkan. Selain itu, pengiktirafan ini juga membantu merancang dan melaksanakan peningkatan kualiti secara berterusan dan meningkatkan komitmen dan motivasi pegawai/staf di PAK.



- ▲ Urusetia Jawatankuasa Kerja MS ISO 9001:2008 PAK
- ▲ Pengurus Besar PAK En Abdul Kadir Ab Latiff dan Pengurus Pentadbiran dan Kewangan En Zuhair Jamaludin turut hadir pada Kursus Pengenalan/Kesedaran MS ISO 9001:2008.
- ▲ Puan Nor Zawani bertanyakan soalan kepada juru perunding dari Total Organisation Management Consulting (M) Sdn Bhd semasa sesi soal jawab.

MENARIK DI DALAM

Sambutan Hari Wanita
Peringkat Kebangsaan



Datuk Abdul Rahim Bakri Rasmi Hari
Terbuka Kementerian Pengangkutan

Sekitar Sambutan
Majlis Berbuka Puasa
Dan Aidilfitri PAK



Hari Keluarga Pak Disambut Meriah

Mutiara Kata

"Orang yang cemerlang melihat setiap halangan sebagai peluang untuk mengasah potensi, manakala orang yang tidak cemerlang menganggap setiap halangan sebagai alasan yang menyebabkan kemundurannya"

ISSN 2180-4079



Sekapur Sirih Seulas Pinang 2
Dari Meja Editor
Hubungi Kami

Perihal PAK 3

PAK Turun Padang 4

Pak Sana Sini 5,6,7

Puspanita@Pak 8

Makalah 9

Klik!Klik!/Rileks Minda 10,11

Senarai Perhubungan 12

Dari Meja Editor



En Zuhair Jamaludin
Pengurus Pentadbiran dan Kewangan
Perbadanan Aset Keretapi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Apa khabar pembaca sekalian? Keluaran PERINTIS kali ini mengetengahkan sasaran terbaru Perbadanan Aset Keretapi (PAK) iaitu untuk mendapat sijil pengiktirafan MS ISO 9001:2008 untuk Pengurusan Daftar Aset Tetap. Untuk mencapai matlamat itu, satu Kursus Pengenalan/Kesedaran MS ISO 9001:2008 telah diadakan dengan penyertaan pegawai/staf PAK. Selain itu, buletin kali ini turut memuatkan program Hari Keluarga PAK yang julung-julung kali diadakan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi PAK. Aktiviti yang akan menjadi acara tahunan PAK, turut diwarnai dengan penganjuran majlis makan malam dan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang acara sukaneka yang berlangsung pada sebelah petang.

Selain itu, program Hari Terbuka Kementerian Pengangkutan (MOT) yang diadakan pada bulan September 2010 turut diketengahkan pada keluaran kali ini. Program berkenaan yang diadakan pada setiap bulan merupakan platform utama kepada Jabatan dan Agensi di bawah MOT menjelaskan lagi peranan dan fungsi masing-masing kepada orang awam bagi memastikan matlamat kerajaan untuk menjadi penyedia perkhidmatan yang berkualiti tercapai. Turut dimuatkan dalam PERINTIS kali ini ialah penyertaan PAK dalam sambutan Hari Wanita dan Persidangan Pengurusan Aduan Mengikut Prespektif Islam.

Untuk makluman pembaca sekalian, ini merupakan kali terakhir saya menjadi editor untuk buletin ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua staf PAK terutamanya Unit Hal Ehwal Korporat yang bertanggungjawab dalam penerbitan buletin ini. Saya berharap para pembaca budiman akan terus memberi sokongan terhadap penerbitan buletin ini. Akhir kata, semoga buletin ini terus maju di masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



*Sekapur Sirih
Seulas Pinang*

Encik Abdul Kadir bin Ab Latiff
Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia.

Selamat bersua kembali pembaca sekalian. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi syukur saya panjatkan ke hadirat Allah S.W.T kerana edisi kedua buletin PERINTIS berjaya diterbitkan.

Tiada apa yang lebih bermakna buat saya apabila mendapat tahu maklum balas yang diterima mengenai penerbitan buletin amat membanggakan. Pengenalan pertamanya semasa program Hari Terbuka Kementerian Pengangkutan di Shah Alam, Selangor baru-baru ini, berjaya mendapat reaksi positif dan menggalakkan terutamanya daripada pihak Kementerian sendiri dan Agensi-agensi di bawahnya.

Pada hemat saya, PERINTIS berjaya menjadi wadah di antara Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dengan orang ramai untuk mengetahui mengenai peranan dan tugas yang dimainkan PAK mengikut akta yang telah diperuntukan. Selain bertujuan untuk menguar-uarkan berita semasa di PAK, buletin ini turut mengutarakan aspek penambahbaikan yang sedang dilaksanakan di PAK bagi memastikan pengguna dan 'stakeholder' mendapat perkhidmatan yang berkualiti menepati Piagam Pelanggan yang diamalkan di PAK.

Kini, PAK sedang merancang untuk mendapatkan sijil pengiktirafan MS ISO 9001:2008 bagi Pengurusan Sistem Daftar Aset Tetap. Dengan adanya pengiktirafan ini, ia membuktikan PAK telah berjaya mencapai objektif, visi dan misi organisasi yang telah digariskan selain membuktikan peningkatan kualiti secara berterusan telah dilaksanakan dan dirancang dengan sempurna oleh semua tenaga kerja di PAK. Dengan adanya pengiktirafan ini, ia secara tidak langsung akan meningkatkan motivasi dan komitmen setiap staf PAK.

Akhir kata, semoga PERINTIS berjaya mencapai objektif penerbitannya dan kandungannya member imfaat kepada para pembaca. Selamat membaca....

Sekian, terima kasih.

HUBUNGI KAMI

Sidang redaksi mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan daripada semua pembaca PERINTIS. Sila salurkan maklum balas atau surat menyurat kepada:



Editor PERINTIS,
Unit Hal Ehwal Korporat,
Perbadanan Aset Keretapi (PAK),
No 29G, Blok B, Jalan TKS 1,
Kajang Sentral Business Park, 43000 Kajang,
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon: 03-8733 2020 No Faks: 03-8733 2222

Emel: salfarizan@rac.gov.my

Laman Web: <http://www.rac.gov.my>

MENGENALI PERBADANAN ASET KERETAPI



BIDANG TUGAS MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA KERETAPI 1991

5.1 PAK adalah sebuah Badan Berkanun Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 dan telah beroperasi secara rasminya pada 1 Ogos 1992.

Fungsi-fungsi Pebadanan mengikut Akta Keretapi 1991 adalah:

Seksyen 89(8)

- a) Untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggarakan:-
 - i) Segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;
 - ii) Segala harta yang terletak pada, atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 93 adalah terletak pada Perbadanan dan untuk mengurus dan mentadbir segala liabiliti berkenaan dengannya;
- b) Untuk mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan keretapi; dan
- c) Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

Seksyen 92(2)

Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai "Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu", "Keretapi Tanah Melayu", atau "Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

Seksyen 93

Segala harta yang terletak pada, dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan bagi hakmilik, estet, atau kepentingan yang serupa sebagaimana ia telah terletak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

Datuk Abdul Rahim Bakri **RASMI HARI TERBUKA** Kementerian Pengangkutan

Kementerian Pengangkutan buat julung kalinya menganjurkan Hari Terbuka Kementerian sekaligus program Hari Bertemu Pelanggan yang dirasmikan oleh Y.B Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pengangkutan II.

Bertempat di salah sebuah pusat beli belah di Shah Alam, Selangor, program ini adalah kelangsungan daripada program pertama 'Karnival Pengangkutan 1Malaysia' yang diadakan di Kudat, Sabah pada 7 Ogos 2010, dalam usaha Kementerian Pengangkutan mendekati masyarakat agar lebih memahami fungsi dan peranan Kementerian.

Program yang disertai oleh semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian, pelbagai aktiviti dijalankan antaranya pameran, kaunter aduan dan pertanyaan, semakan saman dan taklimat mengenai cadangan pindaan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang bakal dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang dan pemasangan 'Sistem Penguatkuasaan Secara Automatik (AES)' di lokasi kawasan kemalangan berbahaya.

Datuk Abdul Rahim dalam ucapannya berkata Kementerian Pengangkutan akan sentiasa memastikan komitmen yang berterusan perlu dijana dengan sebaik mungkin agar Kementerian dapat bersaing dengan lebih efektif.

Katanya dengan adanya program seumpama ini, Kementerian memberi peluang kepada orang ramai, untuk memberi maklum balas tentang mutu perkhidmatan Kerajaan yang diperolehi semasa mereka berurusan dengan jabatan atau agensi di bawah Kementerian Pengangkutan.

Menyentuh mengenai sikap pemandu di jalan raya, Datuk Abdul Rahim mengesa agar pemandu bersikap lebih berhemah kerana sekarang ini ramai pemandu yang mengambil lewa peraturan dan undang-undang jalan raya.

Katanya perangkaan pada tahun 2009 menunjukkan bahawa jumlah kemalangan jalan raya adalah sebanyak 397,330 kes dan indeks kadar kematian pula bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar adalah sebanyak 3.55. Di peringkat antarabangsa, Malaysia menduduki tempat ke-46 daripada 172 negara daripada segi indeks kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar.

"Adalah didapati 62.2 peratus punca utama kemalangan adalah berkaitan dengan kelajuan dan 8.5 peratus berkaitan dengan pelanggaran peraturan lampu isyarat. Daripada 397,330 kes yang dinyatakan, 6,745 kes melibatkan kematian dengan purata 18 kematian sehari.

"Ini kerana terdapatnya beberapa kelemahan tertentu di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) yang sedia ada. Oleh itu, pindaan-pindaan perlu dibuat bagi memastikan undang-undang lebih mantap dan pemandu

mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya," katanya.

Sebanyak 60 seksyen akan dipinda di bawah Akta ini bagi menyesuaikan fungsi dan peranan Kementerian sejajar dengan perkembangan semasa yang semakin mencabar. Ini bagi memastikan keselamatan di jalan raya dapat dipertingkatkan dan penguatkuasaannya juga dapat dijalankan dengan lebih berkesan.



Wakil PAK Sertai SAMBUTAN HARI WANITA Peringkat Kebangsaan

BANGI: Sempena dengan sambutan Hari Wanita yang diraikan pada 25 Ogos setiap tahun, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) tidak ketinggalan untuk menghantar wakilnya ke majlis sambutan peringkat kebangsaan yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Majlis yang bertemakan bertemakan 1Azam - Wanita 1Malaysia itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Y.A.B Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Y.B Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Y.A.B Perdana Menteri dalam ucapannya meminta majikan di negara ini memberi peluang lebih luas kepada wanita untuk bekerja separuh masa supaya mereka boleh mencari nafkah dan pada masa yang sama, menunaikan tanggungjawab sebagai ibu.

Beliau berkata, terdapat pelbagai pilihan bagi majikan untuk menggalakkan kaum wanita menyumbang pengetahuan dan kepakaran mereka dalam pelbagai bidang menerusi waktu bekerja yang longgar termasuk bekerja dari rumah atau pada waktu anjal.

Sehubungan itu, Y.A.B Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 mulai 1 Oktober ini yang bakal memberi jaminan faedah kepada kumpulan yang terlibat.

Jelas beliau, peraturan itu bagi memastikan hak dan perlindungan pekerja separuh masa dari segi terma perburuhan lebih jelas dan menyeluruh dan langkah baru itu dijangka memberi manfaat kepada 6.5 juta orang yang terdiri daripada suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi yang ingin bekerja separuh masa.

Pada majlis sama, Y.A.B Perdana Menteri turut mengadakan sidang video mengenai perkembangan wanita di Sarawak, Johor dan Terengganu bersama ketua menteri dan menteri besar negeri berkenaan.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan gerai-gerai jualan oleh pengusaha industri kecil dan sederhana serta pertunjukkan fesyen.



PORT DICKSON – Membuka tirai gemilang tahun 2010, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah menganjurkan Hari Keluarga PAK 2010 bagi meraikan warga kerja PAK serta anggota keluarga mereka. Program yang diadakan di sebuah destinasi pelancongan popular di Port Dickson pada bulan Mac lepas merupakan acara tahunan yang diankurkan Kelab Sukan dan Kebajikan PAK bagi menghimpunkan seluruh kakitangan PAK daripada pelbagai peringkat pengurusan dalam satu acara santai.

Dirasmikan oleh Pengurus Besar PAK Encik Abdul Kadir AB Latiff, penganjuran Hari Keluarga PAK 2010 ini disertai oleh kesemua 35 staf PAK serta keluarga masing-masing. Tujuan utama penganjuran acara ini adalah untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim sesama mereka selain bermatlamat untuk meningkatkan semangat kerjasama berpasukan melalui penganjuran beberapa acara bercorak kesukanan. Selain itu, sambutan ini juga merupakan medan untuk warga kerja PAK bersantai bersama dengan rakan setugas serta anggota keluarga masing-masing bagi melarikan diri daripada hiruk pikuk kehidupan di kota dan tugas kerja seharian yang menuntut komitmen yang tinggi.

Pelbagai acara telah disusun oleh pihak penganjur bagi memastikan Hari Keluarga PAK berlangsung dengan ceria dan harmoni antaranya acara permainan sukaneka untuk kanak-kanak dan staf PAK, majlis makan malam, pertandingan pakaian tercantik dan pasangan ideal.

Hari Keluarga PAK 2010 Disambut Meriah

Hari Keluarga PAK 2010 telah dimulakan pada pukul 2.30 petang dengan acara sukaneka untuk anak-anak staf PAK yang berumur dari 3 hingga 12 tahun. Dikendalikan oleh Puan Normahinawati A.Ghaffar pelbagai gelagat mencuit hati dapat disaksikan. Kemudian, acara sukaneka untuk staf PAK pula mengambil giliran. Dalam acara ini pasukan hijau yang diketuai oleh Pengurus Kanan Hartanah En Mohamad Ridzuan Ismail telah dinobatkan sebagai juara, sementara pasukan merah yang diketuai oleh Pengurus Hartanah En Najib Zakuan Md Ali dinobatkan sebagai naib johan manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan pasukan kuning yang diketuai oleh Pengurus Pentadbiran dan Kewangan En Zuhair Jamaludin.

Pada sebelah malamnya, kesemua staf PAK dan anggota keluarga mereka diraikan dalam satu majlis makan malam yang bertemakan "Hawaian Night". Selain dimeriahkan dengan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang acara sukaneka, majlis pada malam itu turut diserikan dengan penyampaian Surat Aku Janji kepada staf PAK yang baru, sambutan hari lahir pertandingan kerusi muzik dan karaoke.

Secara keseluruhannya, Hari Keluarga PAK 2010 ini telah mencapai sasaran dan objektif penganjurannya. Diharapkan program ini dapat menjadi pemangkin kepada para anggota untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan bersungguh pada tahun 2010 bagi menjayakan misi dan visi PAK.

Hari Keluarga PAK 2010 Disambut Meriah



Puan Zaridah (dua, kiri) sibuk memberi tunjuk ajar kepada 'anak angkat' beliau mengenai peraturan permainan semasa menyertai acara sukaneka. Turut kelihatan Puan Hasmaliana, En Mohd Ghazali Cik Norizam Abd Kadir.

Encik Mohd Nur Firdaus membantu 'anak angkat' beliau mengisi air dalam botol sambil diperhatikan En Muhammad Azam.



Gelagat pasukan merah semasa acara sukaneka.



Gelagat pasukan kuning semasa acara sukaneka. Kelihatan Cik Tan, Cik Hasnoor dan Encik Azmi.



En Abdul Aziz selaku ketua sorak pasukan biru bertepuk tangan selepas pasukannya menang semasa acara sukaneka.



Sebahagian staf PAK bersama hamper yang dimenangi semasa acara sukaneka yang berlangsung pada sebelah petang.



Puan Muzieana memberi kata-kata semangat kepada Puan Shela semasa acara sukaneka.



Pengurus Besar PAK En Abdul Kadir Ab Latiff dan isteri Puan Rohani Harun bergambar kenang-kenangan bersama sebahagian staf PAK pada majlis makan malam.

Persidangan Kebangsaan Pengurusan Aduan: **MENGIKUT PRESPEKTIF ISLAM**



Menyedari hakikat bahawa pentingnya pengurusan aduan untuk sesebuah organisasi, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah menghantar pegawainya untuk mengikuti Persidangan Kebangsaan Pengurusan Aduan Menurut Perspektif Islam yang dianjurkan Institut Perkembangan Minda (INMIND), Jabatan Siasah Syar'iyah Universiti Malaya (UM) dan Jabatan Syariah dan Pengurusan, UM pada 27 Julai 2010.

Bertempat di sebuah hotel terkemuka di ibu kota, persidangan sehari itu dihadiri kira-kira 80 orang peserta yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi Kerajaan, swasta termasuk penuntut universiti tempatan dari seluruh negara.

Objektif utama penganjuran persidangan itu adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan aduan dan sistem pengendalian aduan mengikut perspektif Islam, meningkatkan pengetahuan mengenai konsep perkhidmatan pelanggan yang berkualiti berdasarkan pengurusan Islam dan memantapkan amalan terbaik dalam pengendalian aduan di Malaysia untuk mewujudkan sistem penyampaian yang berkesan.

Diakhir persidangan itu, para peserta telah diberikan taklimat oleh wakil daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Syabas yang menerangkan mengenai cara mereka menguruskan aduan di organisasi masing-masing.

SEKITAR MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SAMBUTAN AIDILFITRI DI PAK

Program IHYA Ramadan dan
Majlis Berbuka Puasa Pak 2010



Staf PAK mendengar ceramah daripada penceramah jemputan.



Sebahagian staf PAK menikmati juada berbuka puasa.

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PAK 2010



- ▲ Pengurus Besar PAK En Abdul Kadir Ab Latiff bersama isteri beliau Puan Rohani Harun dan mantan Pengurus Besar PAK En Ismail Hamzah (kiri).
- ▲ Sebahagian staf PAK menikmati hidangan pada Majlis Sambutan Aidilfitri PAK 2010.
- ▲ Pengurus Besar PAK En Abdul Kadir Ab Latiff bersama isteri beliau Puan Rohani Harun dan mantan Pengurus Besar PAK En Ismail Hamzah (dua, kiri). Turut kelihatan Pengurus Kanan Hartanah Encik Mohamad Ridzuan Ismail (kiri).
- ▲ Sebahagian staf PAK menikmati hidangan pada Majlis Sambutan Aidilfitri PAK 2010.

Program : Lawatan Sambil Belajar (Kebudayaan) ke Sabah
Tarikh : 28 hingga 31 Mei 2010 (Jumaat-Isnin).
Penyertaan : 30 ahli PUSPANITA Kementerian Pengangkutan



Program : Ceramah Agama sempena Israk Mikraj
Tarikh : 9 Julai 2010
Tempat : Dewan KBS, Jabatan Penerbangan Awam, Putrajaya.
Tajuk : "Wanita Ahli Neraka" oleh Ustazah Dr Robiah K.Hamzah
Penyertaan : 100 ahli PUSPANITA Kementerian Pengangkutan



Program : Tadurus Al-Quran
Tarikh : Sepanjang bulan Ramadan
Tempat : Surau PAK
Penyertaan : Semua ahli PUSPANITA

1. PENGENALAN

- Cabaran globalisasi yang melanda seluruh dunia ketika ini, memerlukan setiap negara menyusun strategi masing-masing agar tidak tersisih daripada arus kemajuan dunia dan menjadi mangsa penindasan pihak tertentu. Bagi menghadapi keadaan ini, seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira keturunan dan anutan agama, perlu bergerak seiring sebagai satu bangsa, yakni Bangsa Malaysia yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai matlamat yang sama iaitu membina sebuah negara yang lebih maju, selamat, aman dan makmur serta mampu bersaing dengan masyarakat lain di dunia.
- Bagi melahirkan Bangsa Malaysia yang lebih berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi, termasuk dalam bidang sosial, ekonomi dan politik, maka Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak memperkenalkan Gagasan 1Malaysia yang berpaksikan prinsip "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Konsep ini bertepatan dengan cita rasa rakyat Malaysia dan sejajar dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-Prinsip Rukun Negara.
- Gagasan 1Malaysia ber tujuan memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum di negara ini sebagai senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran, yang bertujuan menggugat kesejahteraan hidup mereka. Gagasan ini juga, jika dihayati sepenuhnya oleh semua pihak, mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih aman dan maju dalam segenap bidang serta disegani oleh seluruh dunia.



MALAYSIA

RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Sumber: 1Malaysia, Jabatan Penerangan

2. DEFINISI

- Gagasan 1Malaysia menurut penjelasan Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak:

"Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita;

Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama".

2.1 Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirumuskan kesimpulan berikut :

- Gagasan 1Malaysia menuntut setiap warganegara dan pemimpin memainkan peranan masing-masing.

"Kita berdiri, berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia" memberi maksud bahawa rakyat daripada pelbagai kaum dan agama perlu berfikir melepasi sempadan kaum masing-masing. Mereka juga perlu melahirkan tindakan yang melepasi tembok kepentingan etnik dan kaum.

- Justeru, bangsa Melayu sebagai contoh, diminta tidak hanya berfikir dalam skop bangsa mereka sahaja. Mereka juga diminta tidak hanya membataskan tindakan mereka kepada perkara-perkara yang menjadi kepentingan mereka sahaja. Demikianlah juga dengan kaum-kaum yang lain, mereka dituntut melakukan perkara yang sama.
- Sementara ayat "dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita" lebih menjurus dan bersangkutan dengan kepimpinan negara. Perenggan ini bermakna kepimpinan negara akan melayani dan memenuhi segala keperluan dan hak semua kaum dan etnik di Malaysia.
- Nilai tambah dan pembaharuan dalam Gagasan 1Malaysia. "Mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita" telah dilaksanakan kerajaan semenjak kemerdekaan negara lagi. Perkara ini berjalan dalam bentuknya yang tersendiri iaitu pihak kepimpinan negara melayani kehendak dan keperluan setiap etnik melalui wakil kaum masing-masing.
- Melalui Gagasan 1Malaysia, YAB Perdana Menteri mahukan setiap wakil rakyat bertindak melepasi sempadan kaum masing-masing dan melebarkan khidmat mereka kepada kaum-kaum lain. Pendekatan mendekati rakyat, memahami masalah mereka dan bersikap mesra rakyat adalah perkara utama ditekankan oleh YAB Perdana Menteri kepada kepimpinan parti dan perkhidmatan awam.

3. PERBEZAAN ANTARA GAGASAN 1MALAYSIA DENGAN KONSEP MALAYSIAN MALAYSIA

Berbandukan definisi yang dinyatakan, Gagasan 1Malaysia memiliki kelainan seperti berikut:

1Malaysia adalah gagasan bagi mengharmonikan rakyat pelbagai kaum di negara ini tanpa mengubah identiti kaum-kaum tersebut. Konsep Malaysian Malaysia pula adalah satu dasar yang mahu menggagalkan terus asas binaan kemasyarakatan yang wujud itu. Keadilan yang dicanangkan dalam konsep Malaysian Malaysia diambil secara membuta tuli dengan mengambil konsep kesamarataan versi total.

Di samping menjaga kepentingan semua kaum, Gagasan 1Malaysia juga menekankan soal integrasi dan pewujudan bangsa Malaysia. Berbeza dengan Malaysian Malaysia yang hanya terbatas kepada kesamarataan hak tanpa mengambil kira realiti dan sejarah negara Malaysia.

Perpaduan yang digambarkan oleh Gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama.

Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan serta identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia, dan mengangapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan.

1Malaysia menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar kita dapat hidup bersama dalam keadaan saling menghormati sebagai rakyat dalam satu negara.

Resepi

BISKUT KACANG HAZEL

Bahan-Bahan:

125 gm mentega
125 gm gula perang
1 biji telur
200 gm tepung
Secubit garam
125 gm coklat putih -(cincang)
50 gm kacang hazel -(cincang)

Bahan Hiasan:

Sedikit coklat putih (cairkan)

Cara Menyediakan:

1. Pukul mentega dengan gula perang, garam dan telur sehingga sebat. Masukkan tepung dan kacau.
2. Akhir sekali masukkan kacang hazel dan coklat putih yang telah dicincang.
3. Gaul sehingga menjadi sebat. Gunakan sudu kecil untuk membentuk biskut.
4. Bakar pada suhu 190 OC selama 10 minit. Paipkan coklat putih apabila biskut sejuk dan biarkan keras.



Biskut Kacang Hazel
(sumber <http://www.sajionline.com.my>)



Udang Goreng Kunyit
(sumber <http://www.sajionline.com.my>)

UDANG GORENG KUNYIT

Bahan-Bahan:

1 kg udang galah
1 sudu kecil serbuk kunyit
1 sudu kecil garam
1 cawan sos tom yam
4 sudu besar air limau
10 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
1 biji timun - potong dadu
1 batang lobak merah - potong dadu
5 tangkai cili merah - hiris halus
5 tangkai cili hijau - hiris halus
3 batang serai - diketuk
1 cawan minyak

Cara Menyediakan:

1. Udang galah diperap bersama kunyit, garam, kemudian digoreng.
2. Bawang merah dipotong empat, sementara bawang putih dipotong dua.
3. Panaskan minyak dan tumiskan bawang merah, bawang putih bersama serai sehingga wangi. Kecilkan api dan masukkan air limau, gula dan garam.
5. Apabila cukup rasa, masukkan timun dan lobak merah. Taburkan hirisan cili hijau, cili merah dalam sos. Aturkan udang di atas pinggan, curahkan sos di atasnya dan hias mengikut citarasa.

Rileks Minda

Cari sepuluh nama haiwan di dalam kekotak di bawah.



Mutiara Kata

“Berusahalah dengan ikhlas tanpa memikirkan balasan semata-mata, kerana semakin tinggi keikhlasan di dalam diri, semakin tinggilah balasan baik yang akan diperolehi dalam keadaan sedar atau tidak”

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Y.Bhg. Dato' Long See Wool

Ketua Setiausaha

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Y.Bhg. Dato' Yap Kin Sian

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Y.Bhg. Datuk Hj. Kamaruzaman bin

Hj. Mohd Noor

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)

Kementerian Pengangkutan

Blok D5, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62616 Putrajaya • Tel: 03-8886 6000 • Faks: 03-8889 1569

PERBADANAN ASET KERETAPI

Encik Abdul Kadir Ab Latiff
Pengurus Besar

Perbadanan Aset Keretapi
No.29G, Blok B, Jalan TKS1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8733 2020
Faks : 03-8733 2222

JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Y.Bhg. Datuk Suret Singh
Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan Jalan Raya
Aras 2, Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62616 Putrajaya.
Tel : 03-88866287
Faks : 03-88886720

LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

Y.Bhg. Dato' Khairul Anuar bin Abdul
Rahman
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kuantan.
Tanjung Gelang, Peti Surat 161,
25720 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-585 8000
Faks : 09-583 3866

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Y.Bhg. Dato' Haji Solah Mat Hasan
Ketua Pengarah

Jabatan Pengangkutan Jalan
Aras 1-5 , Blok D4 , Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan 62620 Putrajaya
Tel : 03-88866400
Faks: : 03-88889645

JABATAN KERETAPI MALAYSIA

Encik Hj Anuar Bin Kassim
Ketua Pengarah

Jabatan Keretapi Malaysia,
Aras 13, Menara Dayabumi,
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur
Tel : 03-22781222
Faks : 03-22721900

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Encik Nik Aziz Bin Nik Hussain
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Johor,
6A1-8A1 Pusat Perniagaan Pasir Gudang,
Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Takzim.
Tel : 07-2534000
Faks : 07-2517684

JABATAN PENERBANGAN AWAM

Y.Bhg. Dato' Azharuddin Abdul
Rahman
Ketua Pengarah

Jabatan Penerbangan Awam
No. 27, Persiaran Perdana,
Tingkat 1 - 4, Blok Podium, Presint 4,
62618 Putrajaya
Tel : 03-8871 4000
Faks : 03-8890 1640

LEMBAGA PELABUHAN KLANG

Encik Kee Lian Yong
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Klang
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang,
Selangor
Tel : 03-31688211
Faks : 03-31670211

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Encik Noor Ariff bin Yusoff
Pengurus Besar

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang,
3A-6, Bangunan Sri Weld,
Pangkalan Weld, 10300 Pulau Pinang,
Pulau Pinang.
Tel : 04-263 3211
Faks : 04-262 6211

JABATAN LAUT MALAYSIA

Y.Bhg. Dato' Kapten Ahmad bin
Othman
Ketua Pengarah

Jabatan Laut Malaysia
Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12,
Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan
Klang, Selangor.
Tel : 03-3346 7777
Faks: 03-3168 5289

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Encik Hamdan bin Abdul Hamid
Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Bintulu
Tingkat 8, 9 dan
10, Menara Kidurong,
Batu 12, Jalan Tanjung Kidurong,
Peti Surat 296,
97007 Bintulu, Sarawak
Tel : 086-253888
Faks : 086-251876

INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA (MIROS)

Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd
Sadullah
Ketua Pengarah

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya,
Lot 125-135, Jalan TKS 1,
Taman Kajang Sentral,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,
Tel : 03-8924 9200
Faks : 03-8733 2005

INSTITUT MARITIM MALAYSIA (MIMA)

Y. Bhg. Dr. Pola Singh
Ketua Pengarah

Institut Maritim Malaysia,
B-06-08 Megan Avenue II,
12, Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2161 2960
Faks : 03-2161 4035